

Headline	Katakan Ya kepada kanak-kanak		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	10 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	9	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	533 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,746
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,237



Katakan 'Ya' kepada kanak-kanak

TAN Sri Lee Lam Thye, Naib Pengerusi, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, kerap menulis kepada media, untuk menyuarakan pandangan beliau dan menarik perhatian kepada isu-isu yang beliau rasakan setiap rakyat Malaysia perlu ambil berat.

Setiap kali saya melihat namanya, terutama dalam bahagian 'Surat kepada Editor', saya pastikan saya membaca apa yang beliau mahu katakan. Sebabnya saya menghormati pandangan beliau. Tidak, saya tidak pernah bertemu dengannya dan tidak mengenali beliau secara peribadi.

Tetapi saya cukup kerap menemui nama beliau dalam akhbar untuk mengetahui, walaupun beliau seorang yang asing bagi saya, beliau seorang warganegara Malaysia yang berharap kita menjadi lebih berkesedaran sivik.

Semua suratnya menggesa kita lebih berusaha melibatkan diri dengan apa yang berlaku di sekeliling kita dan cuba melakukan apa yang kita mampu sebagai individu untuk menjadikan Malaysia tempat yang lebih baik.

Saya percaya Tan Sri Lee bukan seorang sahaja melakukan penulisan sedemikian dalam akhbar. Terdapat ramai rakyat Malaysia yang sering menulis kepada akhbar untuk mengetengahkan perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama kepada kita.

Begini keadaannya. Apabila kita membaca akhbar, kita berbuat demikian terutamanya untuk mengetahui apa yang sedang atau akan berlaku di negara ini. Tetapi, kita juga membaca untuk hiburan, pendidikan, maklumat dan santai.

Bagi saya, membaca suratkhbar adalah sebahagian penting daripada kehidupan seharian saya. Malah apabila saya bercuti di luar negara, saya akan mencari akhbar bahasa Inggeris negara itu dan membacanya untuk mengetahui apa yang berlaku di negara tersebut. Saya memang suka mengetahui perkara.

Apapun, pada Ahad, 24 November 2012, saya membaca *The New Straits Times* apabila saya ternampak surat Tan Sri Lee. Surat beliau menyentuh perasaan saya, sebab itulah saya akan berkongsi sesetengah perkara yang dinyatakan beliau dengan anda.

Dalam ulasannya, beliau menyebut satu kempen yang dilancarkan di Malaysia pada 2001 yang dipanggil "Katakan Ya Bagi Kanak-Kanak". Selain mewujudkan kesedaran terhadap perlindungan kanak-kanak, kempen itu mengingatkan kita bahawa kanak-kanak memerlukan "persekitaran sesuai dan membolehkan untuk kanak-kanak membesar."

Saya tertanya-tanya apa kesudahan kempen itu. Adakah ia masih wujud?

Jika anda membaca ini, saya ingin menggesa anda untuk melakukan apa sahaja yang mungkin untuk mengatakan 'Ya' kepada kanak-kanak. Guru-guru, khususnya, adalah barisan hadapan terbaik untuk melakukannya.

Berikut adalah SEPULUH perintah yang ditekankan dalam kempen tersebut:

1. Jangan kecualikan mana-mana kanak-kanak
2. Utamakan kanak-kanak
3. Ambil berat terhadap setiap kanak-kanak
4. Lawan HIV/AIDS
5. Hentikan pencederaan dan eksploitasi kanak-kanak
6. Dengar kepada kanak-kanak
7. Didik setiap kanak-kanak
8. Lindungi kanak-kanak daripada peperangan
9. Lindungi Bumi demi kanak-kanak
10. Basmi kemiskinan dan labur dalam kanak-kanak

Saya bertanya kepada anda, "Tidakkah anda setuju bahawa semua perintah ini indah, mudah namun baik sekali?"

Di tempat kerja, guru-guru terutamanya di sekolah rendah, bergaul dengan ramai kanak-kanak di bawah umur 13 tahun. Mereka harus memastikan pengajaran mereka tidak mengecualikan mana-mana kanak-kanak dengan memastikan setiap kanak-kanak mendapat perhatian sama rata daripada mereka. Mungkin tidak selalunya mudah untuk berbuat demikian tetapi kita harus cuba menyebarkan kasih sayang kita. Malangnya, terdapat guru-guru yang tidak mengendahkan keperluan kanak-kanak disleksia, pelajar yang lembap, kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak miskin dan juga kanak-kanak bukan bangsa mereka. Tolong jangan.

Mengutamakan kanak-kanak adalah mudah jika kita ingat bahawa mereka masih muda dan sentiasa memerlukan galakan, sokongan dan bimbingan. Ibu bapa menghormati guru yang mementingkan kanak-kanak dan membimbing mereka dalam perkara semudah keselamatan diri atau jalan raya.

Sementara itu, mengambil berat terhadap kanak-kanak sepatutnya menjadi kebiasaan bagi kita. Kanak-kanak mempunyai perasaan yang mudah terluka dan mereka juga mudah terpengaruh. Mengambil berat termasuk berwaspada dengan cara kita melayan mereka dan tidak mengeluarkan kata-kata yang salah kepada mereka. Ia juga termasuk melindungi dan mengajar mereka bagaimana untuk melindungi diri sendiri daripada orang dewasa yang mengambil kesempatan terhadap kementahan mereka atau menipu mereka untuk melakukan perkara salah dalam hidup. Bagi melawan HIV / AIDS, apa yang kita perlu berikan kepada kanak-kanak adalah maklumat bersesuaian dengan umur yang dapat meningkatkan pemahaman fungsi badan mereka dan bagaimana untuk melindungi diri sendiri pada masa hadapan daripada salah laku seks.

Bagi menghentikan eksploitasi kanak-kanak, mereka perlu diberi galakan pergi ke sekolah dan mendapatkan pendidikan. Dalam masyarakat anda, lakukan semua yang anda mampu bagi memastikan mereka menghadiri sekolah secara tetap dan tidak terlepas peluang untuk diperkasakan sebagai individu yang berpelajaran.

Adakah anda mendengar kepada kanak-kanak

Headline	Katakan Ya kepada kanak-kanak		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	10 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	9	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	533 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,746
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,237

atau tidak mengendahkan mereka sehingga mereka membuat perangai untuk mendapatkan perhatian anda? Hadiah paling mudah yang anda boleh berikan kepada anak anda adalah duduk bersamanya dan mendengar. Benar, cerita mereka mungkin meletihkan anda tetapi hanya dengan mendengar barulah kita mendapat tahu apa yang kita perlu lakukan untuk mereka. Seorang kanak-kanak yang didengari akan sendirinya menjadi seorang kanak-kanak yang mendengar.

Proses mendidik setiap kanak-kanak harus tiada pengecualian.

Apabila kanak-kanak tidak diberi pendidikan, mereka tidak mempunyai kepercayaan, nilai dan sikap yang betul untuk membolehkan mereka hidup dengan berjaya. Tetapi, apabila mereka dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang betul, mereka membesar sebagai insan yang mempunyai keberanian moral, intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Berhubung melindungi kanak-kanak dari peperangan, tidakkah kita semua berhasrat dapat menghentikan peperangan yang boleh mencederakan mereka? Orang dewasa berperang tetapi kanak-kanak yang menjadi mangsanya. Apa kita boleh lakukan untuk kanak-kanak sedemikian adalah memindahkan mereka ke tempat selamat, menyediakan mereka tempat perlindungan dan memastikan mereka tidak terkorban. Untuk men-

zahirkannya, pertubuhan yang dijalankan oleh orang dewasa berpendidikan merupakan per-taruhan terbaik. Tetapi, anda boleh menyokong pergerakan anti-perang dan anda boleh berkhid-mat dalam program-program perlindungan. Untuk melindungi Bumi bagi kanak-kanak, lakukan sesuatu yang mudah: tunjukkan teladan yang baik. Contohnya, jangan jadi kutu sampah. Sebagai teladan mereka, kanak-kanak perlu meli-hat anda sebagai seorang yang menjaga kebersi-han alam sekitar. Di sekolah, ajar kanak-kanak bagaimana bergaya hidup hijau, memelihara tana-man dan menjaga kebersihan kelas mereka. Guru sendiri yang mengamalkan budaya kurang peng-gunaan, guna semula dan kitar semula serta menunjukkan bagaimana ini boleh dilakukan akan membuatkan kanak-kanak mempercayai kepentingan berbuat demikian.

Basmi kemiskinan dan labur dalam kanak-kanak. Saya pernah tersua guru-guru yang mem-bantu keluarga miskin jadi saya tahu memang mungkin bagi kita memberi bantuan kepada kanak-kanak dan memastikan mereka mempunyai wang untuk menghadiri sekolah atau makan.

Pada keseluruhannya, Tan Sri Lee melakukan perkara yang betul apabila beliau menulis untuk mengingatkan kita bahawa kita mesti mengawasi anak-anak kita agar mereka membesar, dilindungi, selamat dan berpelajaran. Syabas kepada Tan Sri Lee.

